



Petugas kesihatan menyemburkan pembasmi kuman di sekolah sebagai persiapan menghadapi sesi baharu persekolahan di Wuhan. (Foto AFP)

Penularan COVID-19

Bekas pesakit derita gejala berterusan

Berita HARTAN (28/08/2021) MS 34

Australia lulus vaksin untuk remaja 12 tahun

Canberra: Australia mengesyorkan suntikan vaksin bagi menangani ancaman COVID-19 dalam kalangan remaja ketika negara itu menghadapi penularan gelombang ketiga.

Sehubungan itu, kerajaan memulakan program inokulasi remaja seawal usia 12 tahun, sementara melanjutkan cadangan semasa pemberian vaksin kepada individu berusia 16 tahun dan ke atas.

Kumpulan Penasihat Teknikal Australia mengenai Imunisasi (ATAGI), semalam menasihatkan kerajaan bahawa vaksin Pfizer selamat digunakan dan berkesan bagi remaja berusia 12 hingga 15 tahun.

"ATAGI merumuskan manfaat menawarkan vaksinasi kepada remaja berusia 12 hingga 15 tahun melebihi risiko yang dike-

ngamal perubahan swasta.

"Ini membolehkan peluang untuk setiap keluarga mendapatkan suntikan bersama-sama dalam lingkungan umur ditetapkan," katanya pada sidang media di Canberra.

Keputusan itu dibuat selepas Australia melaporkan 982 kes baharu tempatan semalam, ketika negara itu bergelut bagi mengawal gelombang ketiga wabak berkenaan.

Daripada jumlah keseluruhan kes baharu itu, 882 direkodkan di New South Wales (NSW) iaitu negeri dengan penduduk tertinggi di Australia dan Sydney.

Dalam pada itu, Victoria, negeri berpenduduk kedua tertinggi di Australia dengan Melbourne sebagai bandar rayanya melaporkan 79 kes baharu, sementara Wilayah Ibu Kota Australia (ACT)

Kajian dapati ramai individu alami sesak nafas, otot lemah

Paris: Ramai individu dikesan masih mengalami gejala termasuk lesu dan sesak nafas, dalam tempoh setahun selepas dimasukkan ke hospital akibat jangkitan COVID-19.

Perkara itu didedahkan dalam satu kajian baharu di China yang mendalami kesan jangka panjang virus berkenaan terhadap kesihatan mangsa.

Menurut kajian itu yang diterbitkan dalam jurnal perubatan British, *The Lancet*, semalam, kira-kira separuh daripada pesakit COVID-19 yang sudah 12 bulan keluar dari hospital, masih menderita sekurang-kurang satu gejala berterusan.

Kebanyakan daripada mereka mengadu mengenai kelesuan atau

lemah otot, berdasarkan kajian terhadap keadaan dikenali sebagai 'COVID-19 panjang' itu.

Setiap seorang daripada tiga pesakit didapati masih mengalami sesak nafas selepas diagnosis setahun lalu, malah angka itu lebih tinggi dalam kalangan pesakit yang mengalami jangkitan teruk.

"Tanpa rawatan yang terbukti atau panduan pemulihan, 'COVID-19 panjang' memberi kesan terhadap keupayaan menjalani semula kehidupan normal serta daya bekerja.

"Kajian itu menunjukkan ramai pesakit mengambil masa lebih setahun untuk pulih sepenuhnya daripada COVID-19," menurut *The Lancet* dalam penulisan diterbitkan bersama kajian berkenaan.

Sambil menyifatkan 'COVID-19 panjang' sebagai cabaran perubatan moden, penulisan itu turut menggesa lebih banyak kajian dilakukan bagi meningkatkan kefahaman berkaitan dan penjagaan terhadap pesakit.

Kajian berkenaan membabitkan hampir 1,300 orang dirawat di hospital akibat COVID-19 an-

tara Januari hingga Mei 2020 di Wuhan.

Pemerhatian mendapati bilangan pesakit terbabit yang masih mengalami sekurang-kurang satu gejala, menurun daripada 68 peratus selepas tempoh enam bulan kepada 49 peratus selepas tempoh 12 bulan.

Namun, pesakit berdepan masalah pernafasan meningkat daripada 26 peratus selepas tempoh enam bulan, kepada 30 peratus selepas tempoh 12 bulan.

Selain itu, wanita didapati lebih terkesan dengan gejala lesu atau otot lemah yang berterusan serta gelisah atau murung, berbanding lelaki.

Bagaimanapun, menurut kajian itu, 88 peratus daripada pesakit yang bekerja sebelum diagnosis, sudah kembali bertugas selepas tempoh setahun.

Sebelum ini, terdapat hasil kajian yang memberi amaran kepada pihak berkuasa di serata dunia supaya bersiap siaga untuk menyediakan sokongan jangka panjang kepada petugas kesihatan dan pesakit yang terkesan dengan COVID-19. AFP

tahu atau berpotensi.

"Oleh itu, ATAGI mengesyorkan kumpulan umur ini dimasukkan dalam program vaksinasi COVID-19 Australia secara berperingkat," katanya dalam satu kenyataan.

Susulan pengumuman itu, Perdana Menteri, Scott Morrison, berkata temu janji bagi vaksinasi untuk remaja dibuka mulai September.

"Secara dasarnya saya melihat perkara ini boleh dizahirkan, terutama melalui rangkaian pe-

atau Wilayah Ibu Kota Australia (ACT) catat tambahan 21 kes yang tertinggi dalam tiga hari.

Setakat ini, kira-kira separuh daripada penduduk di Australia termasuk di NSW, Victoria dan ACT masih dalam perintah berkurung.

Mengikuti statistik terkini dikeluarkan Jabatan Kesihatan, setakat petang kelmarin, 47,840 kes dicatatkan di Australia dan 1,131 dilaporkan dalam tempoh 24 jam lalu, kebanyakannya membabitkan penularan tempatan. AGENSI



Pihak berkuasa perketatkan kawalan bagi mengekang jangkitan yang kian meningkat di seluruh Australia. (Foto AP)